

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	UtusanBiz /Pg. 16
Date	Wed, 19th Apr 2017	Lead Article	No
Headline	Hanya 10.13% Usahawan Bumiputera Ceburi Bidang Eksport		

Hanya 10.13% usahawan bumiputera ceburi bidang eksport

KUALA LUMPUR 18 April - Hanya segelintir atau 10.13 peratus daripada 5,797 usahawan bumiputera yang berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), menceburi bidang eksport.

Sambil menyifatkan jumlah itu amat kecil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Matrade, Sharimahton Mat Salleh berkata peratusan itu perlu ditingkatkan untuk menggalakkan pertumbuhan eksport negara pada tahun ini.

“Usahawan perlu lebih berdaya saing dan memajukan perniagaan dengan memasarkan produk ke luar negara. Kita juga menggalakkan usahawan bumiputera merebut pe-

luang melalui usaha dan program yang disediakan oleh pelbagai agensi termasuk Matrade,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Meningkatkan Penglibatan Bumiputera Dalam Eksport bersempena Pameran Memacu Agenda Bumiputera 2017 anjuran Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), di sini hari ini.

Katanya, peluang untuk berniaga secara global kini amat besar berikutan terdapat platform digital dan perjanjian perdagangan bebas yang dimeterai dapat meluaskan



SHARIMAHTON

akses syarikat tempatan ke serata dunia.

“Negara memerlukan lebih ramai pengeksport dalam kalangan bumiputera untuk meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana dalam eksport daripada 17.8 peratus kepada 23 peratus menjelang 2020,” katanya.

Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan Teraju, Megat Mohd. Yatim berkata, bantuan daripada kerajaan perlu dilihat sebagai batu loncatan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.